



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan kosong di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

A. JAWATAN LANTIKAN:

1. SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Akauntan
GRED	: W5
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1)
TARAF JAWATAN	: Tetap / Kontrak Interim
KLASIFIKASI	: Kewangan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: RM1,650.00 – RM 6,620.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN:

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau

- ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau

- iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,893.00); atau

Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM2,136.00).

2. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Akauntan atau Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. DESKRIPSI TUGAS

Melaksanakan urusan kewangan, perakaunan, pembayaran, hasil, aset, belanjawan serta penyediaan laporan kewangan selaras dengan peraturan kewangan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan tatacara yang berkuat kuasa.

2. SKIM PERKHIDMATAN	: Pembantu Tadbir (P/O)
GRED	: N1
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1)
TARAF JAWATAN	: Tetap / Kontrak Interim
KLASIFIKASI	: Pentadbiran dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	: RM 1,500.00 – RM 4,680.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM 100.00

1. SYARAT LANTIKAN:

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

2. DESKRIPSI TUGAS

Melaksanakan tugas-tugas perkeranian, pentadbiran, pengurusan rekod, penyelarasan urusan pejabat serta memberi sokongan pentadbiran bagi memastikan pengurusan jabatan berjalan dengan cekap, teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa

3. SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa
GED	: JA5
KEKOSONGAN JAWATAN	: Dua (2)
TARAF JAWATAN	: Kontrak
KLASIFIKASI	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	: RM 1,650.00 – RM 6,620.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN:

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i) Sijil dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

- ii) Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

2. DESKRIPSI TUGAS

Menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti perancangan bandar dan desa, pemprosesan permohonan pemajuan, penyediaan pelan serta laporan teknikal, penguatkuasaan perancangan dan pembangunan, serta memastikan pembangunan dilaksanakan secara terancang selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dasar perancangan dan garis panduan yang berkuat kuasa.

4. SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Jurutera
GRED	: JA5
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1)
TARAF JAWATAN	: Kontrak
KLASIFIKASI	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	: RM 1,650.00 – RM 6,620.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 ii) Diploma Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

2. DESKRIPSI TUGAS

Menyelaras dalam penyediaan reka bentuk, lukisan teknikal, spesifikasi, dan pelan projek, menyediakan anggaran kos dan pelan kerja projek, menyelia pelaksanaan projek pembinaan, penyelenggaraan, dan pembaikan infrastruktur serta menjalankan pemeriksaan bahan binaan, struktur, dan sistem untuk memastikan pematuhan kepada piawaian.

A. SYARAT KELAYAKAN ASAS

Calon hendaklah **memiliki dua (2) kepujian termasuk subjek Bahasa Melayu dan lulus sekurang-kurangnya empat (4) subjek lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

C. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

D. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

E. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :

- i) Permohonan adalah secara *online* melalui Sistem e-HR di laman web www.mbpq.gov.my.

TEMPOH PERMOHONAN : 13 OGOS 2026 – 26 OGOS 2026

- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan **WAJIB** menyediakan:
 - a. Surat Sokongan Permohonan melalui Ketua Jabatan
 - b. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini
 - c. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).

- iii) **Hanya calon yang disenarai pendek akan dihubungi melalui e-mel. Sila pastikan alamat e-mel yang diberikan adalah aktif. MBPG tidak akan bertanggungjawab sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang maklum balas.**
- iv) **Permohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.** Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian tapisan dan temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

F. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:

- i) **Permohonan yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.**
- ii) **Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.**
- iii) **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.**
- iv) **Pemohon tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.**
- v) **Tidak menyertakan gambar passport berwarna.**



(DATIN PADUKA HAJAH HAZLINA BINTI JALIL)
Datuk Bandar

Tarikh: 12 AUG 2026

Rujukan: MBPG: JKP/SM/2/21 Jld. 7 (14)

IKLANJAWATAN2026/NFME/NJ/NS